

# AIDS

AIDS adalah singkatan daripada "Acquired Immune Deficiency Syndrome" atau di dalam Bahasa Malaysia adalah *Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit*. AIDS amat berbahaya. Jangkitan virus AIDS adalah sepanjang hayat, yang selalu membawa maut. Seseorang yang dijangkiti oleh virus AIDS tidak mempunyai apa-apa tanda dan gejala penyakit AIDS untuk beberapa tahun, tetapi masih boleh menyebarkan virus AIDS kepada orang lain.

## APA YANG MENYEBABKAN AIDS?



Gambar rajah virus AIDS

AIDS disebabkan oleh sejenis virus yang di-panggil *Human Immuno-Deficiency Virus (HIV)*. Virus ini akan menyerang dan melumpuhkan sistem pertahanan badan. Dengan kelumpuhan sistem pertahanan badan ini, seseorang itu boleh :-

- Dijangkiti oleh semua jenis kuman termasuk yang biasanya tidak berbahaya.
- Mengidap beberapa jenis barah yang biasanya jarang berlaku.

## SIAPA BOLEH MENDAPAT AIDS?

Sesiapa sahaja boleh mendapat AIDS kerana ia tidak mengenal bangsa, lelaki atau perempuan, muda ataupun tua. Tingkahlaku dan amalan seseorang itu boleh mengakibatkan jangkitan HIV dan AIDS.

## BAGAIMANA SESEORANG ITU BOLEH DIJANGKITI HIV DAN MENDAPAT AIDS?

HIV boleh didapati terutamanya di dalam *darah, air mani dan bendalir faraj* mereka yang dijangkiti. Seseorang pesakit AIDS atau pembawa AIDS boleh memindahkan virus tersebut kepada orang lain hanya melalui *tiga* cara utama, iaitu:-



Apabila ia mengadakan hubungan seks, ia akan memindahkan virus tersebut kepada pasangannya.



Jika ia berkongsi jarum dan alat suntikan seperti semasa mengambil dadah, ia boleh memindahkan HIV tersebut kepada penagih dadah yang lain.



Jika mengandung, ia boleh memindahkan virus AIDS kepada anak yang dikandungnya.

## AIDS TIDAK BOLEH MEREBAK MELALUI:-



Bersalaman



Bersukan



Bekerja bersama-sama



Derma darah



Berhimpit-himpit di tempat sesak



Mandi di kolam renang



Ciuman



Berpelukan



Gigitan serangga seperti nyamuk



Makanan dan minuman yang disediakan oleh pesakit AIDS



Berkongsi kemudahan awam seperti telefon dan tandas



## SEBAHAGIAN DARIPADA TANDA-TANDA PENYAKIT AIDS



Susut berat badan



Bengkak Kelenjar



Kandidiasis (sejenis penyakit kulat)



Herpes zoster (sejenis penyakit jangkitan virus)



Radang paru-paru akibat dari jangkitan kuman (*Pneumocystis carinii*)



Kaposi's Sarcoma (sejenis barah kulit)

## PENCEGAHAN

Setakat ini, pakar-pakar perubatan dan para saintis masih belum menghasilkan ubat untuk menyembuhkan penyakit AIDS atau vaksin untuk mencegahnya. Cara yang paling selamat untuk mengelakkan daripada dijangkiti virus AIDS ialah dengan menghindari perhubungan seks rambang dan penagihan dadah. Para remaja hendaklah mengatakan TIDAK terhadap perhubungan seks di luar nikah dan penagihan dadah.